



**UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH 2007**

**BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN**

**011**

**September**

50 minit

Lima puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**


1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian **hitamkan** jawapan yang baru.*

## Soalan 1 – 17

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 “Tolong telefon setiausaha \_\_\_\_\_ apabila \_\_\_\_\_ sampai nanti,” kata Dato’ Rauf kepada pemandunya.
- A saya ... kita
  - B awak ... dia
  - C kita ... mereka
  - D kamu ... awak

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Mak Cik Zainab \_\_\_\_\_ sayur kangkung untuk juadah tengah hari nanti.
- A menjerang
  - B mengukus
  - C mencelur
  - D merebus
- 3 Walaupun sudah berusia seratus tahun, bangunan itu masih \_\_\_\_\_.
- A gagah
  - B teguh
  - C kental
  - D mantap

- 4 Haniza berasa \_\_\_\_\_ apabila melakonkan watak nenek semasa pementasan drama di sekolahnya.
- A angkuh
  - B kacau
  - C gusar
  - D kekok
- 5 Encik Helmi mendapat kad undangan ke majlis perkahwinan \_\_\_\_\_ sahabat lamanya \_\_\_\_\_ minggu lepas.
- A daripada ... pada
  - B daripada ... di
  - C dari ... pada
  - D dari ... di
- 6 Ibu memanggil adik \_\_\_\_\_ berkata, "Cucilah kasut sekolah kamu yang kotor itu".
- A malahan
  - B dengan
  - C sambil
  - D lalu
- 7 "Sebelum itu, \_\_\_\_\_ ingin memohon ampun sekiranya kata-kata ini akan menimbulkan \_\_\_\_\_ tuanku," kata Tuan Puteri Bongsu kepada suaminya.
- A kakanda ... kemasyghulan
  - B adinda ... kemurkaan
  - C adinda ... kedurjanaan
  - D kakanda ... kedukaan

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.




- 8 Dalam perjalanan pulang dari sekolah, Amran ternampak sebatang pokok tumbang \_\_\_\_\_ jalan.
- A melintasi
  - B merentasi
  - C merintang
  - D menyusuri
- 9 Kamu \_\_\_\_\_ melakukan senaman \_\_\_\_\_ menurunkan berat badan.
- A dapat ... semoga
  - B harus ... supaya
  - C boleh ... agar
  - D mesti ... untuk

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.



- 10 Anak kecil itu \_\_\_\_\_ dari pangkuan ibunya kerana hendak bermain-main.
- A berlungsur
  - B melungsur
  - C melungsuri
  - D melungsurkan
- 11 Kementerian Pelajaran sedang \_\_\_\_\_ usaha untuk memastikan murid-murid dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis.
- A mengemaskinikan
  - B menguatkuasakan
  - C melipatgandakan
  - D menambahbaikkan
- 12 Penduduk kampung itu telah lama dipindahkan ke kawasan \_\_\_\_\_ baru.
- A tempat
  - B setempat
  - C tempatan
  - D petempatan

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah.



- 13 Semua jemputan yang hendak ke majlis rumah terbuka itu perlu meneliti peta kerana jalannya \_\_\_\_\_.
- A bersimpang-siur
  - B berlekak-lekuk
  - C berbolak-balik
  - D bersesat-barat
- 14 Petinju negara \_\_\_\_\_ lawannya sebelum melepaskan tumbukan.
- A melaga-laga
  - B mengacu-acu
  - C melibas-libas
  - D mengacah-acah
- 15 Zulkifli telah meluahkan \_\_\_\_\_ untuk memiliki sebuah komputer kepada ibunya.
- A ada hati
  - B isi hati
  - C ambil hati
  - D jantung hati

- 16 Penduduk di taman perumahan itu \_\_\_\_\_ kerana mereka saling membantu apabila melakukan sesuatu pekerjaan.
- A seperti cincin dengan permata
  - B seperti bulan dengan matahari
  - C seperti aur dengan tebing
  - D seperti isi dengan kuku
- 17 Beberapa \_\_\_\_\_ kertas dan beberapa \_\_\_\_\_ perca kain yang tidak diperlukan lagi dimasukkan ke dalam tong sampah itu.
- A helai ... cebis
  - B keping ... bidang
  - C lembar ... rincih
  - D kajang ... gulung
- 18 Petani itu bermandikan keringat kerana bekerja dengan gigih di bawah panas matahari.
- Perkataan seerti bagi gigih ialah**
- A tegap
  - B tekun
  - C tekad
  - D tegas

19 Mereka bekerjasama untuk melakukan kerja-kerja menyokong bumbung pondok itu.

Perkataan **berlawan** bagi menyokong ialah

- A membina
- B memasang
- C merobohkan
- D merobekkan

**Soalan 20 – 22**

*Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.*

- 20 I Beras yang hancur itu sesuai untuk dimasak bubur. ✓  
II Tapak kakinya hancur apabila terpijak serpihan kaca.  
III Cermin di dalam bilik Helmi hancur apabila terhempas ke lantai. ✓  
IV Hancur tayar kereta itu apabila terlanggar lubang di jalan raya itu.
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV
- 21 I Surat pelantikan sebagai pengawas menjadi kunci untuk menjalankan tugas.  
II Rajin dan usaha ialah kunci kejayaan Rohana dalam peperiksaan.  
III Sawah padi menjadi kunci bagi negeri Kedah.  
IV Kunci pagar yang rosak itu baru diganti oleh bapa.
- A I, II dan III ✓
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

- 22 I Kayu yang keras itu sesuai dibuat tiang rumah.  
II Keadaan bilik itu malap kerana cahaya lampunya kurang keras.  
III Mereka bekerja keras untuk memenangi pertandingan kebersihan kelas.  
IV Murid-murid yang tidak mematuhi peraturan sekolah akan dikenakan tindakan keras.
- A I dan II~~x~~  
B III dan IV  
C I, II dan III~~x~~  
D I, III dan IV~~x~~

- 23 *Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.*

Mengapakah kanak-kanak tidak dibenarkan mandi di sungai itu?

- A Arus sungai itu sangat deras.  
B Tidak ramai orang mandi-manda di situ.  
C Sebuah kilang didirikan di tepi sungai itu.  
D Sungai itu sangat cetek dan berpasir.

- 24 *Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di bawah.*

Pengusaha restoran itu sentiasa memberikan layanan mesra kepada pelanggannya.

- A Bilakah pengusaha restoran itu membuat pelanggannya berasa puas hati?  
B Bagaimanakah pengusaha restoran itu menjaga hati pelanggannya?  
C Mengapakah pengusaha restoran itu mengutamakan pelanggannya?  
D Siapakah yang dilayan oleh pengusaha restoran itu?

## Soalan 25 – 26

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

- 25 “Pada masa hadapan, kita tidak perlu membawa buku ke sekolah tetapi memadai dengan membawa cakera padat,” kata Haikal kepada Azri.
- A Pada masa hadapan Haikal menjelaskan kepada Azri bahawa kita perlu membawa cakera padat dan bukan buku ke sekolah.
  - B Haikal diterangkan oleh Azri tentang keperluan membawa cakera padat pada masa hadapan dan bukan membawa buku ke sekolah.
  - C Azri memaklumkan kepada Haikal bahawa pada masa hadapan apabila ke sekolah mereka tidak perlu membawa buku namun memadai dengan membawa cakera padat.
  - D Azri diberitahu oleh Haikal bahawa mereka hanya perlu membawa cakera padat ke sekolah dan bukannya buku pada masa hadapan.
- 26 Gamat yang telah dipotong masih dapat hidup jika dimasukkan ke dalam laut.
- A Gamat akan hidup walaupun dipotong sekiranya dimasukkan ke dalam laut.
  - B Gamat yang hidup akan dimasukkan ke dalam laut setelah dipotong.
  - C Gamat yang telah dimasukkan ke laut akan hidup apabila dipotong.
  - D Gamat hidup yang dipotong akan dimasukkan ke dalam laut.

## Soalan 27 – 30

Pilih ayat yang betul.

- 27
- A Ke manakah mereka membeli tiket itu?
  - B Kamu tidak hadir semalam mengapakah?
  - C Bagaimanakah pasukan itu mencapai kemenangan?
  - D Apakah kamu dan adik pergi ke kedai semalam?
- 28
- A Pramugara itu kelihatan segar ketika bertugas.
  - B Saya membeli tiga kilogram tepung ke kedai itu.
  - C Abang memiliki koleksi setem-setem luar negara.
  - D Shanti makan dua biji roti canai pagi tadi.

- 29 I Peserta Rumah Kuning lebih pantas dari peserta Rumah Merah.  
II Salmah tidak pernah mengabaikan nasihat ibu bapanya.  
III Anak Encik Zaki gemar akan permainan layang-layang.  
IV Sekumpulan murid sekolah kami telah berjaya mendaki Gunung Kinabalu.
- A I dan IV sahaja  
B II dan III sahaja  
C I, III dan IV sahaja  
D II, III dan IV sahaja
- 30 I Tolong belikan saya kertas pembalut hadiah di kedai buku.  
II Fatimah akan menunggu kita di bas stesen pada petang ini.  
III Pak Adam mempelawa kami supaya makan goreng ayam itu.  
IV Kerja sekolah abang saya tidak dapat disiapkan kerana komputernya rosak.
- A I dan II  
B II dan III  
C III dan IV  
D I dan IV

## Soalan 31 – 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

No.7, Jalan Othman,  
46300 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

24 Mei 2006.

Menemui saudaraku Mohammad Farid bin Abdullah yang berada di Sungai Petani, Kedah. Semoga saudara berada dalam keadaan sihat sejahtera hendaknya.

Saudara,

Surat saudara telah selamat saya terima pada dua hari yang lalu dan diucapkan sebanyak-banyak terima kasih. Saya terlalu seronok membaca kisah saudara sekeluarga yang bercuti di Pulau Langkawi.

Di sini, saya juga ingin menceritakan percutian saya dan adik saya, Farah di kampung Mak Long kami di Pahang. Kami berasa sangat gembira walaupun tanpa kedua-dua ibu bapa kami. Ayah terpaksa menghadiri mesyuarat di Kuala Lumpur. Ibu pula mengajar di kelas tambahan untuk calon-calon UPSR di sekolahnya.

Mak Long telah membawa kami melancong ke Tasik Bera, iaitu sebuah tasik semula jadi di negeri ini. Uniknyanya, kawasan persekitaran tasik ini mempunyai habitat yang berlainan, iaitu kawasan dataran lumpur, hutan paya bakau dan hutan tanah kering. Kawasan ini menjadi tempat perlindungan pelbagai spesies haiwan seperti burung, mamalia dan ikan. Dengan menggunakan perakam video, Farah sempat merakamkan aksi burung raja udang dan bangau menangkap ikan dalam tasik. Kami juga dapat melihat pelbagai jenis flora seperti paku pakis, orkid, periuk kera, tanduk rusa dan lain-lain lagi.

Semasa di rumah Mak Long pula, kami berpeluang membantu Pak Long yang memelihara ayam serama. Setiap pagi saya memberi ayam seramanya makan padi dan jagung. Menurut Pak Long, ayam itu memerlukan *penjagaan yang rapi* dan perlu mendapat rawatan daripada doktor haiwan.

Setakat ini sahaja yang dapat saya ceritakan. Diharap pada cuti penggal yang akan datang, kita dapat menghabiskan cuti bersama-sama di rumah datuk saya di Terengganu.

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,

*Amin*

- 31 Di manakah letaknya Tasik Bera?
- A Negeri Kedah
  - B Negeri Pahang
  - C Negeri Selangor
  - D Negeri Terengganu
- 32 Semua yang berikut tentang keistimewaan kawasan Tasik Bera **kecuali**.
- A mempunyai habitat yang berlainan
  - B berjenis-jenis flora tumbuh disekitarnya
  - C sesuai untuk memelihara ayam serama
  - D menjadi tempat perlindungan pelbagai spesies haiwan
- 33 Apakah tujuan Amin menulis surat kepada Mohammad Farid?
- A Menggambarkan keunikan kampungnya
  - B Mengajak Mohammad Farid bercuti ke Tasik Bera
  - C Memberitahu rakannya tentang penjagaan ayam serama
  - D Menceritakan pengalamannya semasa bercuti di Pahang
- 34 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan tersebut.
- A Keluarga Amin baru sahaja pulang bercuti dari Pulau Langkawi.
  - B Mak Long ialah ibu saudara kepada Mohammad Farid.
  - C Amin menerima surat daripada Mohammad Farid.
  - D Mohammad Farid tinggal di Petaling Jaya.
- 35 Rangkai kata *penjagaan yang rapi* dalam petikan bermaksud
- A dipelihara dengan sempurna
  - B sentiasa menjaga kebersihan
  - C mengutamakan keselesaan
  - D dikawal dengan kemas

## Soalan 36 – 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- Kamal : Kamu sedang buat apa ni, Azizan? Puas saya mencari kamu. Rupanya kamu di belakang rumah.
- Azizan : Eh, Kamal! Maafkan saya kerana tidak sedar kamu sampai. Saya hendak menampal tiub basikal saya ni.
- Kamal : Kamu tahukah caranya?
- Azizan : Mestilah. Lagipun abang saya pernah mengajar saya.
- Kamal : Boleh kamu tunjukkan cara untuk menampal tiub basikal kepada saya?
- Azizan : Boleh, apa salahnya! Mula-mula buka tayar kemudian keluarkan tiub. Lepas tu ...
- Kamal : Saya dah tahu. Kita pam tiub dan rendam dalam besen berisi air untuk *mengesan kebocoran*. Saya pernah lihat ketika mekanik di bengkel Abang Khairul menampal tiub motosikal ayah saya.
- Azizan : Tahu pun. Tandakan tempat yang bocor dan gunakan kertas las untuk mengesat permukaan tiub yang bocor. Kemudian sapu gam getah. Biarkan selama lima minit. Sementara itu, gunting tiub lama untuk dijadikan getah penampal dan lekapkan getah penampal pada tempat yang bocor.
- Kamal : Oh, begitu rupanya! Sebelum kita pasang semula tiub dan tayar, kita perlu lakukan ujian mengesan kebocoran sekali lagi.
- Azizan : Betul tu. Marilah tolong pasang tayar basikal saya ini. Habis kerja ni boleh kita ke dapur minum petang bersama-sama.

- 36 Mengapakah Azizan terkejut dengan kehadiran Kamal?
- A Dia sibuk mengepam tayar
  - B Dia asyik membaiki tayar basikalnya
  - C Dia sedang mengisi air dalam besen
  - D Dia leka minum di dapur
- 37 Kertas las digunakan untuk
- A menggosok tiub
  - B menampal tayar
  - C mengesat tayar
  - D mengelap tiub
- 38 Sebelum dipasang, tiub yang ditampal perlu
- A diuji semula
  - B dibaiki lagi
  - C disapukan gam
  - D dibiarkan kering
- 39 Pilih pernyataan yang **tidak benar** berdasarkan petikan.
- A Azizan mempelawa Kamal minum petang.
  - B Azizan mempunyai peralatan untuk menampal tiub.
  - C Kamal pernah melihat orang membaiki tayar pancit.
  - D Kamal diajar oleh abangnya menampal tiub basikal.
- 40 Apakah maksud rangkai kata *mengesan kebocoran*?
- A Mengenal pasti tempat yang pecah pada tayar
  - B Mengenal pasti tempat yang meletup pada tiub
  - C Mencari tempat yang berlubang pada tiub
  - D Mencari tempat yang rosak pada tayar

KERTAS SOALAN TAMAT